



LAMPIRAN A

PB-T/CONVO/Q/2025/PETAKJUALAN/01
PESTA JUALAN MAKAN DAN MINUM SEMPENA MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK
BRUNEI KE-11 TAHUN 2025

KENYATAAN TAWARAN SEWAAN

1. Tawaran untuk penyewaan petak khas adalah dibukakan bagi kategori berikut:
 - **Café & Pastries**
 - **Food & Beverages**
2. Harga Penyewaan Petak adalah **BND250.00** bagi penyewaan selama **SATU (1) hari**, dengan ketetapan seperti berikut:
 - i. Bertempat di Dewan Delima, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas
 - ii. Termasuk elektrik
 - iii. Dua (2) meja dan dua (2) buah kerusi disediakan
 - iv. Tidak termasuk alas meja, dekorasi, meja dan kerusi tambahan, penyambungan wayar (wire extension)
 - v. Keluasan tempat perniagaan: **3m x 3m**
3. Jenis Jualan yang dibenarkan - Produk-produk yang menarik dan bersesuaian seperti:
 - i. Makanan (kek, kuih-muih, pastri, roti, hidangan panas/sejuk, pencuci mulut, serta makanan berbungkus)
 - ii. Minuman (kopi, teh, jus dan minuman ringan)
4. Tarikh, Masa dan Tempat Jualan adalah seperti berikut:

Hari: Khamis, 23 Oktober 2025
Jam: 6.30 pagi sehingga 4.30 petang
Tempat: Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas
5. Setiap pemohon hendaklah menghadapkan senarai Produk / Barangan Jualan berserta dengan harga.
6. Jika terdapat sebarang kerosakan pada meja dan kerusi yang disediakan, maka ianya adalah menjadi tanggungjawab pemohon untuk mengganti atau membuat pembayaran (jika dikehendaki).
7. Pihak syarikat adalah ditegah untuk menggunakan logo Politeknik Brunei bagi tujuan jualan.

8. Pihak syarikat hendaklah memastikan:
 - Keadaan tempat jualan adalah bersih dan selamat semasa dan selepas membuat jualan.
 - Aktiviti jualan tidak melebihi kawasan yang telah ditetapkan (3m x 3m).
9. Politeknik Brunei tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kecurian, kerugian dan kerosakan yang terjadi kepada barang-barang jualan, peralatan syarikat.
10. Syarat-syarat, terma dan rujukan adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.
11. Cara penilaian:
 - i. Produk jualan akan dinilai berdasarkan kesesuaian.
 - ii. Penilaian juga akan mengambil kira kepelbagaian produk yang ditawarkan serta harga yang berpatutan.
12. Pemohon yang berjaya akan dimaklumkan setelah penelitian pada dokumen tawaran dibuat.
13. Undian bagi tempat tapak perniagaan akan dilaksanakan satu (1) hari sebelum acara diadakan.
14. Tarikh tutup tawaran:

Khamis, 18 September 2025, Jam 2.00 petang

15. Dokumen berkaitan tawaran sewaan ini yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang ditulis dengan No. Rujukan Tawaran dan Tajuk Tawaran dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran seperti alamat di bawah **tidak lewat daripada jam 2.00 petang** pada tarikh yang ditetapkan diatas:

**PB-T/CONVO/Q/2025/PETAKJUALAN/01
PESTA JUALAN MAKAN DAN MINUM SEMPENA MAJLIS KONVOKESYEN
POLITEKNIK BRUNEI KE-11 TAHUN 2025**

**JAWATANKUASA SEBUTHARGA TABUNG POLITEKNIK BRUNEI
PETI TAWARAN POLITEKNIK BRUNEI
BLOCK 2E, TINGKAT 12
KONDOMINIUM ONG SUM PING
JALAN ONG SUM PING, BA 1311
BANDAR SERI BEGAWAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**